

Pendapat Dr Mahathir tidak semestinya betul

Free Malaysia Today

04 Mac 2013

PETALING JAYA: Menurut Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bagi membantu rakyat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Katanya, ia merencanakan kegiatan ekonomi, menguntungkan rakyat dan sektor perniagaan.

“Rata-rata rakyat Sabah menyokong penuh pendekatan ini. BRIM juga merupakan janji yang terkandung dalam manifesto, maka ia wajib ditunaikan,” katanya dalam tulisan terbaru blognya, www.sskeruak.blogspot.com

Beliau yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah berpendapat selain membuktikan komitmen kerajaan menunaikan janji, pemberian BRIM ini juga harus dilihat dalam konteks menyeluruh, dengan mengambil kira transformasi ekonomi yang diilhamkan oleh Najib dalam perjalanan menuju pencapaian Wawasan 2020.

Katanya, kerajaan juga telah berjanji untuk menaikkan pembayaran BR1M secara berperingkat-peringkat dalam tempoh lima tahun.

“Maka, rakyat wajar mensyukurinya dan bersama-sama kerajaan supaya janji itu dapat direalisasikan,” katanya lagi,

Katanya lagi, secara jelas, pemberian BR1M ini adalah petunjuk jelas bahawa kerajaan Barisan Nasional mengotakan apa yang dijanjikan.

‘Ia merupakan inisiatif kerajaan untuk memastikan rakyat dapat menikmati kemakmuran ekonomi secara adil dan saksama,’ ujarinya.

Beliau berkata keupayaan kerajaan melunaskan pembayaran BR1M adalah hasil daripada penjimatan subsidi petrol selain beberapa langkah rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan kerajaan, dengan matlamat untuk membantu rakyat menangani kenaikan kos sara hidup secara lebih efektif.

“Oleh yang demikian, kita menghormati pelbagai pendapat dan pandangan mengenai pembayaran BR1M ini, termasuklah pendapat mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad,” katanya lagi.

Menurut beliau, sememangnya akan ada berpandangan yang berbeza dan kita hormati.

“Namun dalam konteks dan suasana hari ini, seorang Perdana Menteri yang telah diberi mandat besar oleh rakyat seharusnya diberi sokongan padu untuk menyusun struktur ekonomi negara. Dan inilah yang dilakukan oleh Najib,” tegasnya.

Dr Salleh berpendapat apa yang disuarakan Dr Mahathir itu adalah pendapatnya, dan tidak semestinya pendapat itu betul dalam senario ekonomi ketika ini.

“Kita kena berdepan dengan permasalahan ekonomi dan bukan menunda penyelesaiannya jika kita ingin menjadi kerajaan yang bertanggungjawab,” katanya.

Bagi beliau, tanggungjawab kita sebagai ahli parti adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat pendekatan baru Najib ini dan kebaikan-kebaikan inisiatifnya, bukan sebaliknya mengutuk beliau.

Katanya, mungkin ada perbezaan pendekatan berdasarkan situasi terkini, tetapi prinsipnya tetap sama, iaitu harus menyokong keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan kabinetnya yang telah mengembirakan semua.

“Pemimpin-pemimpin sebelum ini yang menjadi Perdana Menteri pun kita sokong sepenuhnya walaupun pada ketika itu ada antara kita yang tidak selari dengan pendekatan kepemimpinan,” katanya.

Katanya lagi, itulah prinsip yang harus kita pegang pada hari ini di bawah teraju pimpinan Najib.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/04/pendapat-dr-mahathir-tidak-semestinya-betul/>